



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

**INDEKS PERDAGANGAN LUAR NEGERI, MALAYSIA
JUN 2026**

**Indeks Nilai Seunit Eksport meningkat 0.3 peratus pada Jun 2026,
disumbangkan terutamanya oleh kenaikan indeks Minyak & Lemak
Binatang & Sayur-Sayuran**

PUTRAJAYA, 28 Julai 2026 – Indeks nilai seunit eksport Malaysia pada Jun 2026 mencatatkan peningkatan 0.3 peratus daripada 162.1 mata pada bulan sebelumnya kepada 162.6 mata. Indeks nilai seunit import menurun 1.3 peratus daripada 132.6 mata kepada 130.8 mata. Sementara itu, terma perdagangan Malaysia meningkat 1.6 peratus bulan ke bulan daripada 122.3 mata kepada 124.3 mata pada Jun 2026, sebagaimana dipaparkan oleh laporan **Indeks Perdagangan Luar Negeri (2010=100), Jun 2026** pada hari ini. Penerbitan ini memaparkan statistik indeks nilai seunit, indeks volum dan terma perdagangan meliputi 10 seksyen komoditi produk barangan selaras dengan Klasifikasi Standard Perdagangan Antarabangsa (SITC).

Jabatan Perangkaan Malaysia menyatakan bahawa indeks nilai seunit eksport meningkat 0.3 peratus pada Jun 2026 disumbangkan oleh kenaikan dalam indeks minyak & lemak binatang & sayur-sayuran (+2.6%), pelbagai barang keluaran kilang (+1.1%) dan barang-barang keluaran kilang (+0.7%). Indeks volum eksport menurun (-3.5%) selaras dengan penurunan indeks pelbagai barang keluaran kilang (-6.5%), bahan kimia (-5.6%) dan alat jentera & kelengkapan pengangkutan (-5.6%). Indeks volum eksport pelarasan bermusim menurun 3.0 peratus daripada 213.2 mata kepada 206.8 mata. Merujuk kepada perbandingan tahunan, kedua-dua indeks nilai seunit dan indeks volum eksport masing-masing meningkat 7.6 peratus dan 35.2 peratus.

Indeks nilai seunit import menurun 1.3 peratus pada Jun 2026, terutamanya disebabkan oleh penurunan dalam indeks minyak galian (-7.0%), minyak & lemak binatang & sayur-sayuran (-1.0%) dan bahan kimia (-0.2%). Sementara itu, indeks volum import meningkat 14.7 peratus pada Jun 2026 berbanding bulan sebelum, disumbangkan oleh kenaikan dalam indeks minyak galian (+35.0%), alat jentera & kelengkapan pengangkutan (+14.7%) dan barang-barang keluaran kilang (+10.5%). Indeks volum import pelarasan bermusim meningkat 14.1 peratus


daripada 175.1 mata kepada 199.7 mata. Perbandingan tahun ke tahun menunjukkan indeks nilai seunit import dan indeks volum import masing-masing meningkat 5.2 peratus dan 36.8 peratus.

Terma perdagangan Malaysia meningkat 1.6 peratus bulan ke bulan kepada 124.3 mata pada Jun 2026, disebabkan oleh peningkatan dalam indeks minyak galian (+7.8%), minyak & lemak binatang & sayur-sayuran (+3.6%) dan pelbagai barang keluaran kilang (+1.1%). Di samping itu, terma perdagangan Malaysia tahun ke tahun turut bertambah 2.2 peratus kepada 124.3 berbanding 121.5 mata pada Jun tahun lalu.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang melaksanakan **Banci Ekonomi 2026 (BE2026)** dengan tema “Data Nadi Ekonomi Rakyat”. Pelaksanaan Banci Ekonomi kali keenam ini berlangsung dari **5 Januari hingga 31 Oktober 2026**. BE2026 bertujuan untuk mengumpul data yang menyeluruh dan berstruktur daripada semua pertubuhan perniagaan berdaftar dan tidak berdaftar di Malaysia, bagi menilai prestasi, struktur serta ciri-ciri ekonomi negara secara komprehensif dan berasaskan bukti.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Carta 1: Peratus Perubahan Bulan ke Bulan bagi Indeks Nilai Seunit Eksport & Import Januari 2024 – Jun 2026



Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
28 JULAI 2026



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MEDIA STATEMENT

EXTERNAL TRADE INDICES, MALAYSIA JUNE 2026

The Export Unit Value Index increased by 0.3 per cent in June 2026, mainly contributed by an increase in the Animal & Vegetable Oils & Fats index.

PUTRAJAYA, July 28, 2026 – Malaysia's export unit value index in June 2026 increased by 0.3 per cent from 162.1 points in the previous month to 162.6 points. Import unit value index decreased by 1.3 per cent from 132.6 points to 130.8 points. In the meantime, Malaysia's terms of trade increased 1.6 per cent month-on-month from 122.3 points to 124.3 points in June 2026 as reported in the **External Trade Indices (2010=100), June 2026** released today. This publication presents the unit value index, volume index and terms of trade for 10 commodity sections of merchandise products in accordance with the Standard International Trade Classification (SITC).

Department of Statistics Malaysia stated that the export unit value index increased by 0.3 per cent in June 2026, attributed to increases in the index of animal & vegetable oils & fats (+2.6%), miscellaneous manufactured articles (+1.1%) and manufactured goods (+0.7%). The export volume index decreased by 3.5 per cent in line with decreases in the indices of miscellaneous manufactured articles (-6.5%), chemicals (-5.6%) and machinery & transport equipment (-5.6%). Seasonally adjusted export volume index decreased by 3.0 per cent from 213.2 points to 206.8 points. Referring to the annual comparison, both the export unit value index and the volume index expanded by 7.6 per cent and 35.2 per cent respectively.


The import unit value index decreased by 1.3 per cent in June 2026, mainly due to declines in the indices of mineral fuels (-7.0%), animal & vegetable oils & fats (-1.0%) and chemicals (-0.2%). Meanwhile, the import volume index increased by 14.7 per cent in Jun 2026 as compared to the previous month, driven by increases in the indices of mineral fuels (+35.0%), machinery & transport equipment (+14.7%) and manufactured goods (+10.5%). The seasonally adjusted import volume index increased by 14.1 per cent from 175.1 points to 199.7 points. A year-on-year comparison showed that the import unit value index and the import volume index increased by 5.2 per cent and 36.8 per cent respectively.

Malaysia's terms of trade increased by 1.6 per cent month-on-month to 124.3 points in June 2026, due to an increase in the index of mineral fuels (+7.8%), animal & vegetable oils & fats (+3.6%) and miscellaneous manufactured articles (+1.1%). Meanwhile, Malaysia's terms of trade also increased by 2.2 per cent year-on-year to 124.3 points compared with 121.5 points in June of the previous year.

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) is conducting the **Economic Census 2026 (BE2026)**, with themed **"Data.7 Nadi Ekonomi Rakyat"**. The sixth Economic Census, will be carried out from **5th January to 31st October 2026**. BE2026 aims to collect comprehensive, structured data from all registered and unregistered business establishments in Malaysia to assess the nation's economic performance, structure and characteristics in an evidence-based manner.

Open DOSM NextGen is a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

**Chart 1: Month-on-Month Percentage Change of Export & Import Unit Value Indices
January 2024 – June 2026**



Released by:

THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
28 JULY 2026